

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kaedah-kaedah yang berbeza dan yang telah dikenal pasti untuk memastikan bahawa inisiatif '*Place and Train*' ini membawa kejayaan sedangkan KWPSM telah melancarkan inisiatif yang serupa seperti '*Place and Train*' sebelum PRU14 yang dikenali sebagai '*Train and Place*', tetapi terbukti tidak berjaya setelah berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan *Place and Train* di bawah Inisitif PENJANA HRDF adalah selaras dengan situasi semasa di mana pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada golongan pekerja yang terjejas di samping mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia. PSMB komited dalam memastikan skim ini dapat memmberi impak kepada pengurangan kadar pengangguran.
2. Di bawah pentadbiran Kerajaan baharu, PSMB telah menyemak semula mekanisma skim ini dengan menambahbaik ekosistem latihan bagi memastikan bahawa setiap latihan yang dijalankan adalah memenuhi keperluan industri dan memberi nilai tambah kepada pelatih untuk terus kekal berdaya saing dalam pekerjaan yang diceburi. PSMB juga akan mengawal selia setiap latihan dijalankan agar tiada ketirisan dalam melaksanakan latihan secara efektif.

Sekian, terima kasih.